

02/10/1999

Australia sedia Asean pegang peranan utama

KUALA LUMPUR, Jumaat - Australia membayangkan kesediaan membenarkan Asean memegang peranan utama memulihkan keamanan di Timor Timur apabila mengesyorkan supaya Malaysia meningkatkan jumlah askarnya dalam operasi Pasukan Antarabangsa ke Timor Timur (Interfet).

"Thailand menghantar kira-kira 1,000 askar, manakala Filipina antara 600 hingga 700 anggota. Kami berharap Malaysia akan menghantar sejumlah askar yang sama," kata Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Allaster Cox.

Serentak itu, Cox menolak laporan akhbar yang menggambarkan Perdana Menteri Australia, John Howard, mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menghantar lebih banyak tentera Malaysia ke Timor Timur.

Sebaliknya, beliau berkata Howard sebenarnya mengalu-alukan pembabitan lebih ramai askar Malaysia dan negara Asean lain bagi menjayakan misi di Timor Timur di bawah mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kami menyambut baik penyertaan lebih ramai askar negara anggota Asean di Timor Timur, khususnya dari Malaysia," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau memetik butir-butir transkrip Howard yang membincangkan misi Interfet di Parlimen Australia, kelmarin.

Kelmarin, ketika bercakap dalam sidang akhbar selepas berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), di New York, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau memberitahu Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, bahawa Australia sepatutnya mengurangkan pasukan negara berkenaan di wilayah yang dilanda masalah itu.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, Australia sepatutnya membenarkan Asean memegang fungsi utama kerana askar negara itu agak keras mengendalikan operasi pengaman di wilayah itu.

Ketika dihubungi mengenai kenyataan Australia itu, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Canberra, Datuk Adnan Othman, mengesahkan Howard menyambut baik pembabitan lebih besar askar Malaysia dalam misi Interfet.

"Saya sudah menyampaikan laporan kepada Wisma Putra bahawa Australia mengalu-alukan langkah Malaysia menghantar lebih ramai pengaman ke Timor Timur," katanya.

(END)